

# UPM dan YTAR anjur pertandingan pidato Bapa Kemerdekaan peringkat IPT

KUALA LUMPUR 7 Sept.-Dalam usaha membina penghayatan berterusan warga belia khususnya golongan mahasiswa terhadap perjuangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mencapai kemerdekaan negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) menganjurkan pidato peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berinspirasi pengalaman dan perjuangan tokoh ini.

Pertandingan Pidato Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Peringkat IPT 2012 dengan kerjasama Majlis Debat Universiti -Universiti Malaysia itu akan diadakan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, selama tiga hari bermula 14 sehingga 16 September ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal



Ehwal Pelajar & Alumni) UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan (**gambar**) berkata, pidato bukan sahaja berupaya membangunkan gagasan pemikiran mahasiswa melalui interpretasi, perspektif dan pengamatan yang jujur, tetapi lebih daripada itu.

“Mahasiswa yang berdaya saing tidak sekadar menjadi pemerhati kepada

suatu peristiwa dan keadaan tetapi mereka perlu peka, menganalisis, membincangkan fakta dan melahirkan pendapat yang idealistik dan praktikal.

“Ia juga sepatutnya dijadikan sebagai wahana yang boleh membantu meningkatkan kemahiran insaniah, kecerdasan minda dan kreativiti,” katanya.

Pertandingan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia itu dibahagikan kepada dua ka-

tegori iaitu Kategori Bahasa Melayu dan Kategori Bahasa Inggeris.

Pertandingan akhir yang dijadualkan pada 16 September (Ahad) jam 2 petang akan turut dihadiri Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, yang juga Pengerusi YTAR.

Johan bagi setiap kategori pertandingan pidato ini akan membawa pulang Piala Iringan dan wang tunai sebanyak RM 7,500.